

Mobile Upload – Suasana takbir raya EidulAdha 2014

[Mobile Upload – Suasana takbir raya EidulAdha 2014](#)

//

Post by [Warga Prihatin.](#)

WARISAN – DI SINI LAHIRNYA SEBUAH CINTA

[WARISAN – DI SINI LAHIRNYA SEBUAH CINTA](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

SEMANGAT MERDEKA ANAKANDA MUIZ

[SEMANGAT MERDEKA ANAKANDA MUIZ](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

Program HIBUR DIDIK MERDEKA Shah Alam 31 Ogos 2014

[Program HIBUR DIDIK MERDEKA Shah Alam 31 Ogos 2014](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

ALHAMDULILLAH TIADA ACARA HIBURAN SEMPENA SAMBUTAN MERDEKA TAHUN INI

[ALHAMDULILLAH TIADA ACARA HIBURAN SEMPENA SAMBUTAN MERDEKA
TAHUN INI](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

JEMPUTAN BERAMAH MESRA DAN REWANG – MAJLIS RUMAH TERBUKA DAN MERAIKAN PERKAHWINAN 2 PASANG ANAK-ANAK RPWP

Peta Lokasi
PERKARANGAN SEKOLAH RENDAH AGAMA RAHMANIAH

Jemputan

**PERTUBUHAN KEBAJIKAN
RUMAH PENGASIH WARGA PRIHATIN**

Majlis Meraikan
Pernikahan
Anak-anak RPWP

16 SEPTEMBER 2014
BERSAMAAN
21 ZULKAEDAH 1435H

dinie 🍌 armiza | raimie 🍌 atikah

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Demi memenuhi tuntutan sunnah dan perintah Allah, kami dengan sukacitanya menyusun bahasa meratak kata, mematuhi adat berteraskan agama, dengan izin Allah mempersilakan YAB/YB/YM/Y.Bhg./Tan Sri/Puan Sri/Datuk Seri/Datin Seri/Datuk/Datin/Professor/Dr./Tuan/Puan/Encik/Cik

bersama suami / isteri serta seisi keluarga ke majlis meraikan pernikahan dua pasangan anak kami

Muhamad Dinie bin Masjuki
dengan pasangannya
Nur Armiza binti Baharudin

Mohamad Raimie bin Masjuki
dengan pasangannya
Rhairunnisa Atikah binti Ahmad Khairudin

pada hari Selasa, 16 September 2014
bersamaan 21 Zulkaedah 1435H

Berempat di
**Perkarangan Sekolah Rendah Agama Rahmaniah,
Sg. Ramal Luar Kajang, 43000 Kajang, Selangor D.E.**
(Bersebelahan Sg. Ramal Baru & Taman Kenari)

Masa
11.30 pg - 4.00 ptg

Semoga kehadiran bersama doa restu para jemputan sekalian akan menambah seri serta keberkatan untuk perkahwinan dan majlis pengistiharan ini, InsyaAllah.

WASSALAM & TERIMA KASIH

Ya Allah Ya Tuhan Kami

Kami memohon restu Mu. Berkatalah majlis ini. Limpahkanlah rahmat ke atas pasangan suami isteri ini. Jadikanlah rumah tangga mereka aman bahagia dan penuh sukesedai dalam ketamahan terhadap Mu. Kurniakanlah kepada mereka suriut yang soleh dan solehah. Berilah ketamahan serta kejayaan kepada mereka di dunia dan di akhirat. Sewagunakannya agama dan iman mereka dengan ketulusan ikatan ini.

Amin Ya Rabbul Alamin.

Maksud Sabda Rasulullah S.A.W

"Kahalinah suami itu kerana empat perkara, kerana hartanya, kerana ketamahanmu, kerana keantihan dan kerana agamanya. Pilihlah suami yang beragama, rezeki engkau akan selamat".

Jemputan bersama oleh
Dr. H. Masjuki Bin Hj. Mohd Masuri (013-5858700)
Shaharah Binti Abdullah (019-5588141)
Baharudin Bin Bakri (019-5588650)
Rahima Binti Norain (019-5588657)
Ahmad Khairudin Bin Mohd Nor (019-5588520)
Zuraisy Binti Zakariah (013-5858732)
Tuan Hj. Saiful Bin Nang (017-2267533)
Kaempat-empat mempelai
Seluruh Murabbi Murabbi dan Anak-anak Warga Prihatin
www.prihatin.net.my

Acara Kemuncak 1.30 tgh

013-5858789	- Warda (Mak Long)
013-5858460	- Iswani
013-5858779	- Ustaz Hamaah @ SolukIslam
013-5858702	- Rhalina
019-5588793	- Yelina
019-5588621	- Nazir
019-5588130	- Azman
019-9695212	- Awang

JEMPUTAN

BERAMAH MESRA DAN REWANG – MAJLIS RUMAH TERBUKA DAN MERAIKAN PERKAHWINAN 2 PASANG ANAK-ANAK RPWP

Ingat lagi tak zaman muda-muda atau kanak-kanak kita dahulu apabila kita datang ke majlis kenduri perkahwinan sahaja, nampak meriah dan sibuk benar penanggang-penanggang datang

membawa “nasi tangkup” iaitu 2 pinggan yang bertangkup dan ditengahnya ada nasi.?

Mereka ini adalah team penangguh yang lengkap dengan tuala good morning dileher dan agak sibuk sekali melayani tetamu. Di hujung setiap meja ada seorang penyelaras penangguh pula yang kerjanya melihat jika ada tetamu baru sampai tetapi makanan tak terhidang. Tetamu sangat dihargai, dilayan macam raja, tidak perlu bangun pun. Jika lauk kurang akan beri signal pada dapur rewang untuk tambah masakan. Kalau zaman ini mungkin kesemua mereka ada walkie talkie.

Sehari sebelum majlis akan sibuklah ahli rewang ini. Di bahagian dalam rumah, ibu-ibu dan anak-anak gadis sibuk membuat persiapan kemas, menyediakan bunga telur dan macam-macam lagi. Di belakang rumah ada sekumpulan ahli rewang yang memotong bawang, melapah daging dan masak memasak. Kanak-kanak ikut memeriahkan suasana sambil bermain sesama sendiri seperti adik beradik.

Hari ini semua itu sudah hanya jadi sejarah. KAMI MAHU KEMBALIKANNYA SEMULA budaya rewang ini dan akan menjadi satu budaya yang menyatupadukan kita dalam masyarakat, tidak mengira umur, fahaman politik, agama, dan bangsa.

NO BUFFET

NO CATERING (walaupun ada penyumbang, kita cuba sajikan secara berhidang)

NO PAID SERVANT

Ok...kami tambah lagi...

NO SANDING

NO INAI BERINAI

NO RAKAMAN AKSI ATAS KATIL DI BILIK TIDUR

NO BERARAK

Seperti semua majlis yang kerap diadakan di RPWP, semuanya akan dibuat secara KERJASAMA atas dasar kekeluargaan dan kasih

sayang tanpa ada tujuan yang lain. MALAH, AHLI REWANG KELUAR SUMBANGAN LAGI.

Pengantin dalam majlis ini nanti tak jadi raja sehari, tetapi menjadi tuan rumah menyambut mesra tetamu yang hadir untuk menghargai kehadiran mereka. Jika ada sedikit keistimewaan pun sekadar sedikit kelainan berupa pakaian pengantin yang 'simple' serta meja khas pengantin untuk makan beradab sahaja.

JEMPUTAN TERBUKA & PANGGILAN UNTUK KREW REWANG WARGA PRIHATIN

Dengan ini, kami ingin menjemput semua pembaca setia Warga Prihatin seluruh negara yang berminat untuk hadir menyeronokkan majlis. Kami juga mempelawa sukarelawan rewang yang ingin sama-sama memeriahkan suasana rewang sepanjang hari pada 16 SEPTEMBER dan juga pada hari hari sebelumnya.

Semua krew akan memakai T-shirt REWANG khas keluaran Sarcasteek. Seorang dermawan telah mengesahkan hasrat untuk menaja 100 helai T-shirt ini. Oleh itu, 100 calon sukarelawan pertama akan dipinjamkan untuk memakai T-Shirt PREMIUM ini dengan percuma dan opsyen membeli terus jika ingin memilikinya dengan separuh harga.

Calon sukarelawan selebihnya boleh membeli dengan harga RM55 sehelai UNTUK LELAKI, kecuali ada penaja lain yang akan menambah tajaan. Untuk wanita, kita akan buat T-shirt muslimah khas, berlengan panjang serta agak labuh dan boleh dibeli dengan harga RM 75. Akan kami maklumkan semula jika ada penaja untuk t-shirt muslimah nanti.

Bagi yang tidak mampu membeli dan tidak berpeluang mendapatkan t-shirt Sarcasteek percuma boleh sahaja pakai baju melayu putih atau hitam, bersongket hitam dan songkok hitam bagi lelaki. Yang wanita boleh juga pakai baju kurung putih dan kain hitam yang tidak terlalu ketat atau menjolok mata, atau berjubah hitam serta tudung hitam.

Semua yang memakai t-shirt, baik lelaki maupun muslimah

diminta memakai seluar hitam yang sesuai dan kasut hitam. Bagi lelaki pula wajib pakai songkok hitam atau boleh juga membeli cap hitam Prihatin. Bagi wanita yang bertudung harus pakai tudung hitam.

Syarat rewang ialah pakaian yang SAMA (sawasih) mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan sepanjang masa memakai tag nama yang disediakan. Tuala Good Morning dan makan minum akan kami sediakan seadanya sepanjang bertugas.

Bagi yang memerlukan bantuan pengangkutan dari stesyen bas atau komuter berdekatan juga boleh dipertimbangkan. Yang ingin menginap di RPWP atau surau kompleks sekolah di sepanjang minggu bertugas juga amat dialu-alukan.

BIDANG-BIDANG YANG DIPERLUKAN

Ada terlalu banyak pihak yang sebelum ini menyatakan ingin turut menyumbang tenaga dan material. Oleh itu ingin kami alu-alukan para penyumbang material dan tenaga untuk tampil membuat ajuan secara rasmi agar dapat di susun perlaksanaannya oleh admin program,

1. Kemah, kerusi meja dan hiasan nya
2. PA system, DJ dan MC
3. Jurugambar, video dan Livefeed (kami juga ada peralatannya jika perlukan kombinasi)
4. Penambahan set walkie talkie (kami sendiri sedia ada 50 unit)
5. Kumpulan Nasyid, silat, kompang dan seumpamanya.
6. Bekalan makanan mentah atau bermasak
7. Hiasan dewan dan meja makan pengantin – bagi yang ingin menyumbang pelamin kerana majlis ini tidak memerlukan pelamin.
8. Pakaian Pengantin – bertudung labuh dan yang simple sahaja.
9. Goodies dan sebarang cenderahati,
10. Khidmat printing buku cenderahati, backdrop dan banting/banner.
11. T-shirt Sarkasteek lelaki dan Muslimah, topi dan payung

Prihatin

12. Apa apa sahaja yang anda fikirkan sesuai untuk disumbangkan sambil mempromosikan produk dan syarikat anda.

Untuk para sukarelawan pula, sila ajukan bidang yang paling sesuai untuk anda,

1. Masak memasak
2. Pelayanan meja makanan tetamu dan makan beradab untuk pengantin
3. Kekemasan dan urusan kebersihan
4. Penjagaan Parking dan kawalan lalu lintas (anggota beruniform amat dialu-alukan)
5. Penyambut tetamu berpayung
6. Pemandu kenderaan shuttle
7. Pelbagai

Untuk memudahkan penyediaan juadah dan mengelakkan pembaziran, kami mohon semua yang berhajat untuk hadir bertamu di majlis ini memaklumkan kepada kami untuk direkodkan.

Bagi yang berminat untuk menyumbang material atau tenaga sebagai ahli rewang juga diminta emailkan kami butiran berikut ke rewang@candidsyndrome.com atau inbox terus ke page Warga Prihatin.

1. Nama
2. Nombor telefon
3. Bidang kepakaran (pilih yang di atas)
4. Saiz baju
5. Sumbangan material (perlu dimaklumkan supaya kita tidak terbeli apa yang anda dah berikan)
6. Pilihan masa berkhidmat – Rewang Penuh di hari majlis pada 16 Sept, 15 Sept atau mana mana hari sepanjang minggu sebelum majlis.

LIPUTAN MAJLIS & BUKU CENDERAHATI

InsyaAllah kami akan jadikan majlis peristiharan perkahwinan

anak-anak kami ini satu majlis PERKAHWINAN YANG ISLAMIK, dimeriahkan dengan budaya rewang berteraskan semangat kekeluargaan dan persaudaraan yang telah lama kita rindui.

Sepanjang majlis akan dimeriahkan dengan celoteh MC dan DeeJay berserta tayangan video hasil rakaman di semula lokasi majlis secara LIVEFEED. Antara bahan tayangan ialah pelbagai video dokumentari RPWP, juga video kronologi perkahwinan anak-anak ini, bermula dari saat bertunang, tausia keluarga sebelum pernikahan, hinggalah klip video majlis pernikahan yang telah berlangsung sebelum Ramadhan lagi.

Insyallah banyak wartawan media arus perdana dan beberapa stesyen TV yang sudah dan akan mengesahkan kehadiran untuk membuat liputan penuh sepanjang perjalanan majlis perkahwinan yang InsyaAllah berciri Islamik untuk pasangan kembar anak-anak RPWP ini.

Insyallah akan kami bukukan juga program ini dalam satu buku cenderahati khas yang akan dihadihkan kepada semua para tetamu. Tujuan utama ialah untuk mengucapkan kesyukuran kepada semua penyumbang dan supaya dapat kami kongsi falsafah munakahat yang telah kami laksanakan untuk kedua-dua pasangan ini buat pedoman sahabat Warga Prihatin dan para tetamu.

Semua penyumbang yang telah mengesahkan sumbangan sebelum 5 September akan Insyaallah kami masukkan dalam senarai penyumbang di buku cenderahati. Bagi yang ingin kami iklankan perniagaan boleh juga membeli ruang iklan di mukasurat khas buku cenderahati itu dengan menyatakan saiz iklan dan sedekah ikhlas untuk iklan itu. Buku itu juga akan kami muatkan dilaman web kami.

Kami berdoa semoga hajat untuk menyatukan keluarga besar rakan Page 'Warga Prihatin' melalui majlis ini akan terlaksana dan dipermudahkan Allah jua, InsyaAllah.

WARGA PRIHATIN

RAKAMAN TAKBIR RAYA AIDILFITRI 2014 DI RPWP

[RAKAMAN TAKBIR RAYA AIDILFITRI 2014 DI RPWP](#)

Klip video pahlawan dodol RPWP

Klip video pahlawan dodol RPWP

Post by [Warga Prihatin](#).

SUASANA MEMANTAI PETANG MENJELANG AIDILFITRI RPWP 2014.

[SUASANA MEMANTAI PETANG MENJELANG AIDILFITRI RPWP 2014.](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

Iklan Raya 2014, 'Ke Pangkuan Bonda' – APA PELAJARANNYA?

[Iklan Raya 2014, 'Ke Pangkuan Bonda' – APA PELAJARANNYA?](#)

SELAMAT HARI GURU

<https://www.facebook.com/wargaprihatin/posts/10152850221622786>

Post by [Warga Prihatin.](#)

MENYINGKAP SERIBU RAHSIA DI SEBALIK “GURU”

<https://www.facebook.com/wargaprihatin/photos/a.201867952785.170933.176792972785/10152849141292786/?type=1>

Post by [Warga Prihatin.](#)

Wasiat Ayah buat anak-anak RPWP

<https://www.facebook.com/wargaprihatin/posts/10152843058162786>

Post by [Warga Prihatin.](#)

PENGORBANAN IBU YANG TIDAK KELIHATAN

<https://www.facebook.com/wargaprihatin/posts/10152839738082786>

Post by [Warga Prihatin](#).

Kompilasi Kenangan Bersama arwah Ibu, ayah dan abang – satu perkongsian

<https://www.facebook.com/wargaprihatin/posts/10152837311297786>

Post by [Warga Prihatin](#).

Luahan hati anak derhaka – iringan gitar penuh syahdu

<https://www.facebook.com/wargaprihatin/posts/10152836172302786>

Post by [Warga Prihatin](#).

Luahan hati anak yang ditinggalkan ibu – Kisah benar

<https://www.facebook.com/wargaprihatin/posts/10152836171012786>

Post by [Warga Prihatin](#).

Mengenang Ibu Melalui Lagu – BDB

<https://www.facebook.com/wargaprihatin/posts/10152835375727786>

Post by [Warga Prihatin](#).

SAJAK IBU – 2 MINIT YANG MENGUNDANG TANGISAN PILU

<https://www.facebook.com/wargaprihatin/posts/10152836166752786>

Post by [Warga Prihatin](#).

Harakah mesin basuh

<https://www.facebook.com/wargaprihatin/photos/a.201867952785.170933.176792972785/10152791034127786/?type=1>

Post by [Warga Prihatin](#).